

18 JUN 2002

Mahathir-Usul

USUL UMNO BAHAGIAN SENAI TIDAK IKUT PROSEDUR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Usul undi tidak percaya terhadap Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad yang dikemukakan oleh Umno Bahagian Senai tidak mengikut prosedur parti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata terdapat prosedur tertentu yang perlu dipatuhi bagi mana-mana cawangan atau bahagian parti yang ingin mengemukakan sesuatu usul dan Umno Bahagian Senai tidak mematuhi prosedur berkenaan.

"Adalah jelas mereka (Bahagian Senai) tidak mengikut prosedur. Saya difahamkan usul itu tidak dibuat dalam mesyuarat penuh bahagian...ia dilakukan oleh jawatankuasa bahagian," katanya pada sidang media selepas majlis Taklimat Presiden menjelang perhimpunan agung Umno yang akan bermula Khamis ini.

Menurut Dr Mahathir, mesyuarat jawatankuasa bahagian tidak layak untuk meluluskan usul seperti itu.

Umno Bahagian Senai mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Musa berhubung isu-isu pendidikan khususnya berhubung pemberian kuota 10 peratus kepada bukan bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan program Matrikulasi pada mesyuarat khas jawatankuasa bahagian itu Rabu lepas.

Ketua Umno Bahagian Senai Adam Abdul Hamid dilaporkan berkata pengambilan 10 peratus pelajar bukan Bumiputera memasuki MRSM dan program Matrikulasi bercanggah dengan Fasal 153 Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut fasal itu, beliau berkata hak istimewa orang Melayu adalah terjamin dan menjadi sebahagian daripada kontrak sosial antara kaum semasa negara mencapai kemerdekaan.

Dr Mahathir berkata bagi sesebuah cawangan parti mengemukakan usul, ia perlu mengadakan mesyuarat cawangan dan begitu juga di peringkat bahagian.

"Di peringkat bahagian (bila) kita buat satu usul maka bahagian itu mesti bersidang dan pada masa itu (kita boleh) kemukakan beberapa usul untuk dibawa ke mesyuarat (perhimpunan) agung parti," katanya.

Beliau berkata prosedur yang sama turut digunakan pada perhimpunan agung iaitu usul yang dikemukakan mestilah dipersetujui seluruh perwakilan yang hadir.

"Kalau kita buat usul dengan begitu mudah, tidak berhenti-hentilah usul datang," katanya.

Dr Mahathir berkata usul undi tidak percaya terhadap seseorang Menteri tidak boleh dilakukan melainkan ia adalah usul undi tidak percaya kepada Kabinet dan Kerajaan.

"Ini bermakna bahawa tujuan sebenarnya (usul undi tidak percaya Umno Bahagian Senai) ialah kepada kerajaan dan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Malangnya disebut Menteri Pendidikan (Musa). Kawan tu tidak ada buat apa salah pun, kesian dengan dia," katanya.

Ditanya sama ada usul berkenaan tidak sah dan batal, Dr Mahathir berkata perkara itu akan ditentukan oleh Pengerusi Tetap Tun Sulaiman Ninam Shah.

Mengenai taklimatnya kepada perwakilan parti hari ini, Perdana Menteri berkata beliau menasihatkan supaya para perwakilan mengambil kira perkembangan di sekeliling mereka sama ada yang berlaku di dalam atau di luar negara semasa mereka membahaskan sesuatu perkara.

Beliau juga menerangkan mengenai cabaran globalisasi, dunia tanpa sempadan, makna pasaran bebas dan kesannya terhadapnya hak istimewa Bumiputera.

-- BERNAMA

HS SR MOZ